

Corak Perjalanan dan Impaknya Terhadap Ekonomi Malaysia Daripada Pelawat Domestik

Travel Patterns and Their Impact on the Malaysian Economy by Domestic Visitors

Norma Azuli Mohd Nor
Norlida Hanim Mohd Salleh
Poo Bee Tin
Redzuan Othman
Abdul Hamid Jaafar
Tamat Sarmidi
Pusat Pengajian Ekonomi
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan membandingkan corak perjalanan pelawat domestik pada tahun 2009 dan 2010 selain menganalisis impak perbelanjaan mereka kepada ekonomi Malaysia. Analisis deskriptif menggunakan data sekunder dan analisis Input-Output (I-O) digunakan bagi tujuan tersebut. Hasil kajian mendapati perjalanan yang dilakukan oleh pelawat domestik pada kedua-dua tahun tersebut majoritinya bertujuan melawat rakan atau saudara mara. Analisis perbelanjaan pelancong domestik dalam kajian ini mendapati berlaku peningkatan perbelanjaan sebanyak 33.5 peratus pada tahun 2010 berbanding tahun 2009. Kesan perbelanjaan ini telah mencatatkan peningkatan yang tinggi dari segi output, nilai ditambah, hasil kerajaan dan juga import. Berdasarkan analisis I-O, pada tahun 2009 dan 2010 sektor rekreasi menjadi penyumbang terbesar kepada hasil kerajaan dan sektor perdagangan runcit telah memberi sumbangan terbesar terhadap peningkatan output dan nilai ditambah. Namun begitu, sektor perdagangan runcit ini juga turut menjadi penyumbang terbesar kepada nilai import yang mengakibatkan berlakunya bocoran dalam ekonomi.

Kata kunci: Corak Perjalanan Pelancong, Perbelanjaan Pelancong, Input-Output, Impak Ekonomi.

ABSTRACT

This study aims to compare the travel patterns of domestic visitors in 2009 and 2010 and to analyzing the impact of their expenditures to the economy. Descriptive analysis using secondary data and the Input-Output (I-O) analysis are used for these purposes. Result from the secondary sources shown that journeys undertaken by domestic visitor in both years, majority of who are intending to visit friends or relatives. Analysis of expenditure of domestic tourist in this study found that an increase of 33.5 percent of expenses in 2010 than in 2009. The effect of expenditure has recorded a large increase in output, value added, government revenue and also imports. Based on the I-O analysis, in 2009 and 2010 recreational sector are the largest contributor to government revenue and retail trade sector contributed most in increase of output and value added. However this retail trade sector also becomes largest contributor to the value of imports which resulted in the leakage in the economy.

Keywords: Tourist Visiting Pattern, Tourist Expenditure, Input-Output, Economic Impact.

PENGENALAN

Industri pelancongan diiktiraf di peringkat global sebagai salah satu sektor yang penting dalam menjana sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi negara. Di Malaysia, kurnian anugerah alam, kepelbagaian budaya, suasana politik, ekonomi dan sosial yang stabil serta keamanan dan keselamatan telah merangsang perkembangan industri pelancongan. Kerajaan melaksanakan pelbagai dasar untuk memastikan industri ini terus menjadi peneraju kepada sektor perkhidmatan di negara ini (Othman dan Salleh, 2006)

Menyedari kepentingan dan impak industri ini kepada ekonomi, kerajaan telah memberi penekanan dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga, 2000-2010 (RRJP3), Rancangan Malaysia Kesembilan, 2006-2010 (RMKe-9) dan Pelan Induk Perindustrian Ketiga, 2006-2020 (PIP3). Industri pelancongan menjadi sektor kelima terbesar yang menyumbang kepada ekonomi negara dengan menjana pendapatan negara kasar (PNK) sebanyak RM36.9 bilion dengan jumlah ketibaan pelancong sebanyak 24 juta orang pada tahun 2009. Dijangkakan menjelang tahun 2020, industri ini akan terus berkembang dan akan menyumbang RM103.6 bilion kepada PNK dan bilangan pelancong akan meningkat kepada 36 juta orang. (PEMANDU, 2010).

Malaysia menerima ketibaan pelancong asing seramai 24.5 juta orang pada tahun 2010 iaitu mengalami pertumbuhan sebanyak 3.9 peratus berbanding pada tahun 2009. Jumlah ketibaan pelancong asing dari rantau ASEAN mendominasi 76.6 peratus dari jumlah keseluruhan ketibaan pelancong asing di Malaysia. Namun begitu, jumlah perbelanjaan pelancong dari rantau ASEAN tidak tinggi kecuali jumlah perbelanjaan pelancong dari Singapura. (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2011)

Pendapatan yang diterima daripada pelancongan asing ini penting kerana ia memberikan impak yang tinggi dalam bentuk tukaran mata wang asing. Bagaimanapun, pendapatan yang diterima daripada pelancongan domestik juga tidak boleh dipinggirkan. Pelancongan domestik mampu menjana pendapatan industri pelancongan negara melalui perbelanjaan yang dilakukan oleh pelancong. Oleh kerana ketiadaan rekod sukar untuk menentukan jumlah sebenar sumbangan pelawat domestik kepada pendapatan negara namun, jumlahnya masih signifikan terhadap pendapatan negara selain dapat mengelakkan mata wang domestik mengalir keluar. Oleh itu dalam keghairahan untuk menarik pelancong asing ke Malaysia, pelancong domestik juga perlu ditarik untuk melancong ke dalam negara. Aktiviti pelancongan di Malaysia sebagaimana dengan negara lain di dunia dipengaruhi oleh faktor bermusim contohnya musim perayaan dan musim cuti persekolahan serta penganjuran acara-acara berkala dan tidak berkala yang berskala besar. Pada tahun 2010, secara purata, 46.8 peratus penduduk Malaysia yang berusia 15 tahun ke atas melakukan perjalanan domestik dengan perjalanan tertinggi dicatatkan pada bulan September 2010 bersempena dengan cuti perayaan Hari Raya dengan jumlah 12.5 juta pelawat dan 14.7 juta perjalanan (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010).

Pelbagai aspek dapat mempengaruhi jumlah perbelanjaan pelancong domestik antaranya jangka masa tinggal di destinasi pelancongan, tujuan lawatan, peringkat umur dan pendapatan pelancong itu sendiri. Rasionalnya, pelancong yang mempunyai pendapatan yang lebih tinggi pastinya akan menggunakan perkhidmatan seperti penginapan, makanan dan pengangkutan yang lebih mewah. Ini akan meningkatkan kos perbelanjaan yang akan ditanggung oleh pelancong (Othman et.al, 2011).

Oleh kerana terdapat perbezaan corak perjalanan selain jumlah perbelanjaan oleh pelawat domestik pada setiap tahun, kajian ini dilakukan dengan objektif: I) membandingkan corak perjalanan yang dilakukan oleh pelawat domestik pada tahun 2009 dan 2010 dan II) menganggarkan impak kepada ekonomi Malaysia kesan daripada perbelanjaan pelawat domestik pada tahun 2009 dan 2010. Untuk tujuan tersebut analisis diskriptif menggunakan data sekunder yang diperolehi dari Jabatan Perangkaan bagi pelawat domestik pada tahun 2009 dan 2010 dilaksanakan. Kajian ini disusuli dengan analisis Input-Output (I-O) tertutup bagi tujuan penganggaran impak perbelanjaan pelancong domestik kepada ekonomi.

Kertas kajian ini mengandungi beberapa sub topik bagi memudahkan perbincangan iaitu II) profil demografi dan corak perjalanan pelawat domestik tahun 2009 dan 2010, III) kajian literatur, IV) metodologi kajian dan V) perbincangan dapatan kajian dan VI) kesimpulan dan implikasi dasar.

PROFIL DEMOGRAFI PELAWAT DOMESTIK DAN CORAK PERJALANAN

Berdasarkan JADUAL 1, pada tahun 2010 perbelanjaan pelawat domestik berjumlah RM 34,678 juta iaitu meningkat sebanyak 33.5 peratus berbanding tahun 2009 iaitu sebanyak RM25,975 juta. Peningkatan jumlah perbelanjaan ini dipengaruhi oleh peningkatan jumlah perjalanan yang dilakukan oleh pelawat domestik. Namun begitu, purata perbelanjaan pelawat domestik didapati telah menurun sebanyak 12.3 peratus daripada RM287 pada tahun 2009 kepada hanya RM252 pada tahun 2010.

Pada tahun 2009 pelancong domestik akan menginap secara purata selama 2.39 hari dengan purata perbelanjaan sebanyak RM543 bagi setiap kali perjalanan yang dilakukan. Berbanding pada tahun 2010, purata tempoh menginap bagi pelancong domestik mengalami sedikit peningkatan iaitu selama 2.58 hari. Manakala, purata perbelanjaan per perjalanan pula mengalami sedikit penurunan iaitu kepada RM541. Bagi purata perbelanjaan sehari juga mengalami penurunan iaitu sebanyak 7.8 peratus daripada RM227 pada tahun 2009 kepada RM210 pada tahun 2010. Maklumat lanjut diberikan dalam JADUAL 2,

JADUAL 3 menjelaskan komponen perbelanjaan pelawat domestik. Pada tahun 2009 mereka telah berbelanja paling besar terhadap komponen makanan dan minuman iaitu sebanyak RM6,455 juta atau 24.8 peratus daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan. Pada tahun 2010, perbelanjaan terhadap komponen ini telah menurun kepada 23.0 peratus daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan atau sebanyak RM7,975 juta. Pada tahun 2010, komponen membeli-belah menjadi pilihan utama pelawat domestik dengan perbelanjaan sebanyak RM8,914 juta atau 25.7 peratus daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan pelancong. Kemudian diikuti oleh perbelanjaan terhadap komponen pengangkutan dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM8,098 juta atau sebanyak 23.4 peratus daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan pada tahun 2010.

Tujuan melancong oleh pelawat domestik dirumuskan dalam JADUAL 4. Pada tahun 2009 dan 2010 majoriti pelancong domestik melakukan perjalanan untuk melawat saudara mara, bersesuaian dengan tradisi balik kampung yang diamalkan oleh rakyat Malaysia. Pada tahun 2009, perjalanan untuk tujuan melawat saudara mara mencatatkan peratusan tertinggi iaitu sebanyak 49.2 peratus dan meningkat sebanyak 21.4 peratus kepada 70.6 peratus pada tahun 2010. Pada tahun 2009, tujuan kedua pelancong domestik melakukan perjalanan adalah untuk membeli-belah iaitu sebanyak 27.5 peratus. Bagaimanapun berbeza dengan tahun 2010, tujuan kedua penting pelancong domestik melakukan perjalanan adalah untuk bercuti dengan peratusan sebanyak 18.2 peratus. Selebihnya pada tahun 2009, tujuan perjalanan pelancong domestik ialah untuk percutian, 11.9 peratus, urusan perniagaan, 4.1 peratus, rawatan perubatan, 3.0 peratus, perjalanan insentif dan lain-lain 2.4 peratus, hiburan dan rekreasi, 1.3 peratus serta untuk tujuan ibadat/keagamaan sebanyak 0.8 peratus. Pada tahun 2010 pula, tujuan perjalanan pelancong domestik diikuti oleh tujuan urusan perniagaan dengan peratusan sebanyak 3.7 peratus. Sebanyak 1.8 peratus pelancong domestik masing-masing melakukan perjalanan untuk tujuan hiburan dan rekreasi, ibadat/keagamaan dan perjalanan insentif dan lain-lain. manakala bagi tujuan membeli-belah dan rawatan perubatan masing-masing dengan peratusan sebanyak 1.1 peratus dan 1.0 peratus.

RAJAH 1 menunjukkan kebanyakan daripada pelawat domestik terdiri daripada isi rumah yang berpendapatan antara RM1,001 hingga RM3,001 sebulan. Pada tahun 2009 sebanyak 27.9 peratus isi rumah bagi kelas pendapatan ini telah melakukan perjalanan sebagai pelawat domestik dan peratusan ini telah meningkat sebanyak 8.0 peratus pada tahun 2010 kepada 35.9 peratus. Kemudian diikuti oleh isi rumah yang berpendapatan kurang dari RM1001 iaitu sebanyak 23.5 peratus pada tahun 2009 dan 24.5 peratus pada 2010. Bagaimanapun, bagi isi rumah yang berpendapatan lebih daripada RM10,001 telah berlaku penurunan yang agak banyak iaitu sebanyak 13.9 peratus daripada 19 peratus pada tahun 2009 kepada hanya 5.1 peratus pada tahun 2010.

JADUAL 5 menunjukkan jumlah pelawat domestik dari golongan yang bekerja adalah berjumlah 43.9 peratus pada tahun 2009 dan meningkat kepada 49.7 peratus pada tahun 2010. Pada tahun 2009 seramai 12.9 peratus daripada golongan bekerja ialah terdiri daripada jurujual/perkeranian, 11.2 peratus ialah golongan profesional/teknikal, 10.2 peratus golongan pengurusan/pentadbiran dan 9.6 peratus lagi ialah golongan pekerja am. Pada tahun 2010 pula, seramai 18.4 peratus ialah terdiri daripada golongan jurujual/perkeranian, 12.6 peratus ialah golongan profesional/teknikal, 7.6 peratus golongan pengurusan/pentadbiran dan 11.1 peratus ialah golongan pekerja am. Manakala jumlah pelawat domestik daripada lain-lain golongan seperti bekerja sendiri, pekerja keluarga tanpa gaji, suri rumah dan penganggur berjumlah 41.4 peratus pada tahun 2009 dan meningkat kepada 50.3 peratus pada tahun 2010.

KAJIAN LITERATUR

Menurut Fletcher (1989), walaupun terdapat pelbagai kaedah boleh digunakan untuk mengkaji impak pelancongan terhadap ekonomi, namun pendekatan yang sering digunakan adalah berdasarkan kaedah analisis input-output (IO). Kaedah IO masih lagi relevan digunakan untuk menganalisis kesan perubahan sesuatu sektor terhadap ekonomi walaupun terdapat kaedah lain yang lebih tepat iaitu kaedah Matrik Perakaunan Sosial (SAM) dan *Computable General Equilibrium* (CGE). Kaedah analisis input output diperkenalkan oleh Wassily Leontief pada tahun 1951 dan telah dikembangkan lagi oleh beberapa penyelidik antaranya Miernyk, (1965) dan Miller dan Blair, (1985) bagi memperkuat lagi asas dalam penggunaan analisis IO.

Analisis IO mengkaji kesan perubahan dalam permintaan akhir sesebuah industri yang akan menyebabkan pertambahan aktiviti dalam industri tersebut dan juga industri lain yang berkaitan. Menurut Archer (1977), perubahan ini dikenali sebagai kesan pengganda. Dalam menganalisis impak pengganda sektor pelancongan, kebanyakan penyelidik lebih menumpukan untuk mendapatkan penganggaran penentu pengganda perbelanjaan pelancong. (Sinclair, 1998). Antara penyelidik lain

yang telah menggunakan analisis input output dalam kajian pelancongan ialah Kweka et.al (2003), Surendra (2000), Hendry dan Deany (1997), Archer (1995) dan Khan et.al (1990). Kajian-kajian ini dilaksanakan bagi tujuan untuk menganggarkan impak pelancongan terhadap ekonomi dan untuk mengenalpasti sama ada pendapatan pelancongan yang diterima meninggalkan kesan yang positif atau sebaliknya.

Bagi kes Malaysia, Muhammad et.al (2009) telah menjalankan kajian terhadap kesan pengganda langsung, tidak langsung dan teraruh dengan memasukkan sektor isi rumah ke dalam matrik Leontief. Untuk tujuan ini mereka telah mengaggregatkan jadual I-O 2000 dari 94 sektor kepada 52 sektor dan ditambah dengan satu sektor isi rumah. Saari dan Zakariah, (2006) pula telah menggunakan analisis I-O untuk mengkaji kesan ekonomi akibat perubahan corak perbelanjaan dan profil pelancong bagi tahun 2000 dan 2001. Kajian ini mendapati pelancong dari kawasan Timur Tengah telah menyumbang perbelanjaan per kapita terbesar pada tahun 2001. Manakala Othman et.al (2011) pula telah melakukan perbandingan corak lawatan pelancong asing mengikut pasaran dan kesan perbelanjaan mereka kepada ekonomi Malaysia pada tahun 2007. Hasilnya, mereka mendapati pelancong dari pasaran Asia Barat menjadi pembekal perbelanjaan per kapita yang tinggi walaupun jumlah ketibaan pelancong dari pasaran tersebut masih sederhana.

METODOLOGI

Kajian ini akan menggunakan kaedah analisis input-output model ekonomi tertutup untuk menganggar pengganda impak industri pelancongan. Terdapat beberapa kaedah telah digunapakai oleh beberapa pengkaji sebelum ini. Antara kaedah tersebut ialah kaedah Miyazawa (1976) dan kaedah Miernyk (1965). Model tertutup mengambil kira tiga kesan yang berlaku terhadap ekonomi iaitu kesan langsung, kesan tidak langsung dan kesan teraruh. Manakala model terbuka pula hanya mengambil kira dua kesan iaitu kesan langsung dan kesan tidak langsung. Pengganda menunjukkan bahawa pelbagai jumlah pendapatan yang dijana oleh pelbagai sektor ekonomi walaupun jika diandaikan setiap sektor meningkatkan jumlah outputnya dengan jumlah yang sama. Model terbuka hanya terbatas kepada kesan langsung dan kesan tidak langsung terhadap pendapatan apabila output berubah tetapi dalam model tertutup ia juga turut menghasilkan tindak balas rangkaian antara-industri dalam pendapatan, output dan juga perbelanjaan pengguna (Miernyk, 1965). Oleh itu, model tertutup mempunyai kesan pengganda yang lebih tinggi berbanding model terbuka.

Kesan langsung ialah kesan yang diperolehi secara terus daripada perbelanjaan yang dilakukan oleh pelancong contohnya bayaran yang dibuat terus oleh pelancong terhadap barangan dan perkhidmatan seperti hotel, restoran, barangan kraftangan dan sebagainya. Kesan tidak langsung pula diperolehi daripada pendapatan awal yang diterima oleh isirumah, firma dan kerajaan yang dibelanjakan untuk membeli barangan dan perkhidmatan pertengahan dalam menyediakan barangan dan perkhidmatan akhir yang akan dibayar oleh pelancong. Manakala kesan teraruh terhasil apabila berlaku peningkatan perbelanjaan isi rumah disebabkan oleh perubahan aktiviti ekonomi yang meningkatkan pendapatan isirumah.

Dengan menggunakan Jadual Input Output (I-O) Malaysia tahun 2005, kajian ini akan menggunakan data perbelanjaan pelancongan domestik bagi tahun 2009 dan 2010 untuk mengkaji impak perbelanjaan pelawat domestik terhadap ekonomi Malaysia. Oleh kerana industri pelancongan tidak diklasifikasikan sebagai sebuah industri yang khusus menurut kod *Malaysia Standard Industrial Classification* (MSIC), industri ini telah dibentuk dengan mengaggregatkan beberapa aktiviti ekonomi yang berkaitan terus dengan pelancongan. Enam sektor telah dipilih ialah sektor perdagangan runcit, perhotelan, restoran, pengangkutan, hiburan dan rekreasi. Jadual I-O 2005 telah diaggregatkan daripada 120 sektor kepada 18 sektor sahaja. Bagi mendapatkan kesan teraruh, isirumah akan dimasukkan ke bahagian sektor pengeluaran menjadikan sektor yang akan dikaji menjadi 19 sektor. Oleh itu, sektor isi rumah bukan lagi sebagai sektor permintaan akhir.

Hubungan antara sektor-sektor ekonomi boleh diterangkan dalam satu persamaan linear berikut:

$$X - AX = F \quad [1]$$

Dengan X ialah vektor output, A adalah matrik koefisien teknikal dan F ialah vektor permintaan akhir. Persamaan [2] dan [3] diterbitkan dengan memasukkan matrik identiti (I) ke dalam persamaan [1].

$$(I - A) X = F \quad [2]$$

$$X = (I - A)^{-1} F \quad [3]$$

Dengan $(I - A)^{-1}$ ialah matrik songsang Leontief. Saiz pengganda biasanya bergantung kepada keadaan pertumbuhan ekonomi terutamanya tahap dan corak ketergantungan sektor. Di samping itu, saiz sesuatu pengganda juga ditentukan oleh faktor komposisi dan struktur ekonomi.

Dari persamaan (3), X ialah jumlah output. Untuk mendapatkan anggaran pengganda output, matrik songsang Leontief didarabkan dengan vektor permintaan akhir F . Pengganda output menerangkan bahawa apabila berlaku perubahan dalam perbelanjaan pelancong dalam sesebuah sektor, jumlah keluaran ekonomi keseluruhan akan meningkat sebanyak jumlah pengganda tersebut. Dengan menggunakan matrik songsang yang sama dan melakukan sedikit perubahan, impak perbelanjaan pelancong terhadap guna tenaga, hasil kerajaan, nilai ditambah dan import dapat diterbitkan seperti persamaan (4), (5) dan (6).

$$G = g(I - A)^{-1}F \quad [4]$$

Dari persamaan (4), G ialah jumlah hasil kerajaan dan g ialah koefisyen pepenjuru hasil kerajaan. Pengganda hasil kerajaan ditafsirkan sebagai jumlah perubahan hasil akibat perubahan setiap satu ringgit dalam perbelanjaan pelancongan.

$$VA = va(I - A)^{-1}F \quad [5]$$

Dengan VA ialah nilai ditambah dan va ialah koefisyen pepenjuru nilai ditambah. Pengganda nilai ditambah boleh ditafsirkan sebagai jumlah perubahan nilai ditambah akibat perubahan setiap satu ringgit dalam perbelanjaan pelancongan.

$$M = m(I - A)^{-1}F \quad [6]$$

Dengan M ialah import dan m ialah koefisyen pepenjuru import. Pengganda import ditafsirkan sebagai jumlah perubahan perbelanjaan import yang dibuat akibat perubahan setiap satu ringgit dalam perbelanjaan pelancongan.

ANALISIS DAPATAN KAJIAN

Pelawat domestik mencatatkan jumlah perbelanjaan sebanyak RM25,975 juta sepanjang tahun 2009 dan meningkat kepada RM34,679 juta pada tahun 2010. Secara keseluruhannya, kesan daripada perbelanjaan ini adalah jauh lebih tinggi daripada jumlah sebenar yang telah dibelanjakan kerana wujudnya kesan limpahan dalam ekonomi (Othman et.al, 2011). Kesan ini dapat ditunjuk oleh beberapa indikator iaitu dari segi output, hasil pendapatan kerajaan, nilai ditambah dan juga import.

i) Impak terhadap output

Pengganda output bagi industri pelancongan negara bagi enam sub-sektor adalah seperti dalam JADUAL 6. Kesan pengganda tertinggi dicatatkan oleh sektor restoran iaitu 3.2412, diikuti oleh sektor hiburan dan rekreasi dengan nilai pengganda 3.214. Mengambil contoh kesan pengganda bagi sektor restoran, ia membawa maksud bahawa bagi setiap satu ringgit perbelanjaan dalam sektor restoran, jumlah keluaran ekonomi keseluruhan akan meningkat sebanyak RM3.24.

Kesan perbelanjaan pelawat domestik telah menyumbangkan kepada jumlah output sejumlah RM103,862.7 juta pada tahun 2009 dan RM120,120.4 juta pada tahun 2010. Pada kedua-dua tahun tersebut sektor perdagangan runcit telah menjadi penyumbang output utama dan diikuti oleh sektor pengangkutan dan restoran dengan jumlah sumbangan masing-masing RM33,434.2 juta, RM32,056.5 juta dan RM19,914.6 juta pada tahun 2009 dan RM38,409.9 juta, RM36,514.2 juta dan RM22,8000.9 juta pada tahun 2010. Oleh kerana tujuan utama pelawat domestik melakukan perjalanan adalah untuk melawat saudara-mara, maka mereka lebih memilih untuk menginap di rumah saudara-mara berbanding menginap di hotel. Disebabkan oleh faktor ini maka sektor perhotelan hanya menyumbangkan jumlah yang sederhana kepada output iaitu sebanyak RM9,813.6 juta pada tahun 2009 dan RM12,380.4 juta pada tahun 2010, rujuk JADUAL 6.

ii) Impak terhadap hasil kerajaan

Peningkatan dalam output menyebabkan kerajaan dapat menjana lebih banyak pendapatan melalui hasil cukai. JADUAL 7 menunjukkan impak industri pelancongan terhadap hasil kerajaan yang diterima pada tahun 2009 dan 2010. Sebanyak RM438.6 juta dan RM559.6 juta telah diterima oleh kerajaan hasil daripada industri pelancongan pada tahun 2009 dan 2010. Daripada jumlah tersebut, sektor rekreasi menjadi penyumbang terbesar iaitu sebanyak RM249.4 juta pada tahun 2009 dan RM333.7 juta pada tahun 2010. Manakala sektor perhotelan menjadi penyumbang terkecil terhadap hasil kerajaan iaitu hanya sebanyak RM5 juta pada tahun 2009 dan RM7.3 juta pada tahun 2010. Kesan pengganda hasil kerajaan tertinggi direkodkan oleh sektor hiburan dan rekreasi iaitu dengan jumlah pengganda sebanyak 0.16. Ini bererti, apabila berlaku peningkatan sebanyak satu ringgit dalam perbelanjaan pelawat domestik dalam sektor hiburan dan rekreasi, kerajaan mampu menjana hasil sebanyak RM0.16, rujuk JADUAL 7.

iii) Impak terhadap nilai ditambah

Peningkatan dalam output juga turut memberi kesan kepada nilai ditambah. Perbelanjaan pelawat domestik telah memberi impak kepada nilai ditambah sebanyak RM6,431.4 juta pada tahun 2009 dan RM8,787 juta pada tahun 2010. Sektor yang paling terangsang dengan peningkatan jumlah output ini ialah sektor perdagangan runcit iaitu sebanyak RM1,774.8 juta pada tahun 2009 dan telah meningkat kepada RM2,579.5 juta pada tahun 2010. Ini diikuti oleh sektor perhotelan dan sektor pengangkutan dengan nilai masing-masing ialah RM1,578.9 juta dan RM1,340.4 juta pada tahun 2009 dan meningkat kepada RM2,319.9 juta dan RM1,732.3 juta pada tahun 2010. Kesan pengganda nilai ditambah yang tertinggi dicatatkan oleh sektor perhotelan iaitu sebanyak 0.673. Berdasarkan jumlah ini, dapat disimpulkan bahawa apabila satu ringgit dibelanjakan oleh pelawat domestik terhadap sektor perhotelan, nilai ditambah akan meningkat sebanyak RM0.673. Rujuk JADUAL 8.

iv) Impak terhadap nilai import

Pengganda import menunjukkan jumlah perbelanjaan pelawat domestik yang bocor daripada ekonomi negara akibat daripada membayar barangan dan perkhidmatan yang tidak dapat disediakan di dalam negara tetapi perlu diimport. Lebih rendah nilai pengganda import adalah lebih baik kerana ia mengurangkan jumlah pendapatan pelancongan yang bocor daripada ekonomi negara. Seperti yang ditunjukkan dalam JADUAL 9, dengan nilai pengganda import sebanyak 0.1687, sektor hiburan dan rekreasi merupakan sektor yang paling rendah menyebabkan kebocoran dalam industri pelancongan manakala industri perdagangan runcit merupakan sektor paling tinggi menyebabkan berlaku bocoran terhadap hasil perbelanjaan pelawat domestik dengan nilai 0.4546.

Sejumlah RM2,756.1 juta dan RM3,790.2 juta pada tahun 2009 dan 2010 diperlukan untuk memenuhi keperluan import pelawat domestik. Bocoran terbesar datangnya daripada sektor perdagangan runcit iaitu sebanyak RM1,378.2 juta pada tahun 2009 dan RM2,003.2 juta pada tahun 2010. Diikuti oleh sektor pengangkutan dan restoran. Rujuk JADUAL 9.

KESIMPULAN DAN IMPLIKASI DASAR

Kajian ini membuat perbandingan corak perjalanan pelawat domestik pada tahun 2009 dan 2010. Tradisi balik kampung dikalangan rakyat Malaysia terus menjadi faktor utama dalam menentukan tujuan utama perjalanan pelancong domestik. Hal ini jelas ditunjukkan apabila majoriti pelancong domestik yang melakukan perjalanan bagi kedua-dua tahun tersebut bertujuan untuk melawat rakan dan saudara-mara. Selain daripada tujuan tersebut, perjalanan yang dilakukan oleh pelancong domestik pada kedua-dua tahun tersebut juga adalah bertujuan untuk bercuti, membeli-belah, urusan perniagaan, berhibur, rawatan perubatan, amal ibadat dan perjalanan insentif dan lain-lain. Pada tahun 2010 sebanyak 137.85 juta perjalanan pelawat domestik dicatatkan iaitu peningkatan sebanyak 50.3 peratus berbanding tahun 2009. Secara purata, pelancong domestik menginap selama 2.39 hari bagi setiap perjalanan pada tahun 2009 dan berlaku sedikit peningkatan pada tahun 2010 dengan jumlah purata menginap selama 2.58 hari.

Dari segi corak perbelanjaan pelawat domestik, didapati pada tahun 2009 pelawat domestik lebih banyak mengeluarkan perbelanjaan bagi tujuan makanan dan minuman berbanding pada tahun 2010 mereka lebih banyak berbelanja untuk tujuan membeli belah. Melalui analisis input output menunjukkan pada tahun 2010 sektor pelancongan telah menyumbangkan RM120,120.4 juta terhadap output iaitu peningkatan sebanyak 15.7 peratus berbanding RM103,862.7 juta pada tahun 2009. Sektor perdagangan runcit telah menjadi penyumbang utama kepada peningkatan output dan nilai ditambah pada tahun 2009 dan 2010. Bagaimanapun, sektor ini juga menjadi penyumbang terbesar terhadap kebocoran pendapatan pelancongan bagi kedua-dua tahun tersebut. Manakala sektor rekreasi telah menjana hasil kerajaan terbanyak bagi kedua-dua tahun tersebut.

Daripada hasil analisis perbandingan yang dilakukan antara kedua-dua tahun ini, didapati pelancongan domestik memainkan peranan yang penting dalam keseluruhan industri pelancongan negara meskipun sumbangan pendapatan yang dihasilkan tidak sebesar pendapatan yang diterima daripada pelancong asing. Justeru itu, promosi terhadap pelancongan domestik bagi menarik rakyat tempatan untuk menerokai keisimewaan Malaysia perlu lebih giat dijalankan. Langkah yang diambil oleh syarikat penerbangan tambang murah seperti AirAsia dan FireFly serta Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) dengan menawarkan harga tiket penerbangan yang kompetitif dapat merangsang lagi pelancongan domestik terutamanya untuk perjalanan ke Sabah dan Sarawak. Peningkatan pendapatan


isi rumah dan kualiti hidup yang lebih baik juga mampu mendorong rakyat Malaysia untuk melancong lebih kerap dan bercuti lebih lama.

PENGHARGAAN

Kajian ini telah dibiayai oleh Universiti Kebangsaan Malaysia melalui geran GUP-UKM-JKKBG-2011-005.

RUJUKAN

- Archer, B. H. (1977). *Tourism multiplier: The state of the art*, Cardiff: University of Wales Press.
- Archer, B. H. (1995). Important of tourism for the economy of Bermuda. *Annal of Tourism Research*, 22,918-930.
- Fletcher, J. E. (1989). Input-output analysis and tourism impact studies. *Annal of Tourism Research*, 16, 514-529.
- Hendry, E. W. & Deany, B. (1997). The contribution of tourism to the economy of Ireland in 1990 and 1995. *Tourism Management*, 18(8), 535-553.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2010). Penyiasatan Pelancongan Domestik 2009. Diambil pada 11 Mac 2012 dari http://www.statistics.gov.my/portal/images/stories/files/LatestReleases/findings/05Pelancongan_Domestik_2009Ringkasan_Penemuan.pdf
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2011). Penyiasatan Pelancongan Domestik 2010. Diambil pada 11 Mac 2012 dari http://www.statistics.gov.my/portal/images/stories/files/Latest_Releases/findings/03Ringkasan_2010_BM.pdf
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2011). *Akaun Satelit Pelancongan 2000-2010*, Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Khan, H., Chou, F. S., & Wong, K. C. (1990). Tourism multiplier effect on Singapore. *Annals of Tourism Research*, 17(3), 408-409.
- Kweka, J., Morrisey, O. & Blake, A. (2003). The economic potential of tourism in Tanzania. *Jurnal Of International Development*, 15, 335-351.
- Leontif, W. (1951). *The structure of American economy, 1919-1939*, New York: Oxford University Press.
- Miernyk, W. H. (1965). *The elements of input-output analysis*, New York: Random House.
- Miller, R. E. & Blair, P. D. (1985). *Input-output analysis: Foundati-Ons and extensi-Ons*, Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Miyazawa, K. (1976). *Input-Output analysis and the structure of income distribution*, Heidelberg: Springer-Verlag.
- Muhammad, N. H. M., Elsadig, M. A. & Abul Quasem, A. (2009). Does tourism contribute significantly to the Malaysian economy? Multiplier analysis using I-O technique. *International Journal of Business and Managemant*, 4(7), 146-159.
- Othman, R., Salleh, N. H. M., Ramli, E. & Hasim, M. S. (2011). Perbandingan corak lawatan dan kesan perbelanjaan pelancong kepada ekonomi Malaysia. *International Journal of West Asian Studies*, 3(1), 29-48.
- Othman, R. & Salleh, N. H. M. (2006). The main contributors of tourist arrival from the Asia and Pacific. *International Journal of Management Studies*, 13(2): 97-216.
- PEMANDU. (2010). Program Transformasi Ekonomi (ETP). Diambil pada 20 Mac 2012 dari http://etp.pemandu.gov.my/upload/etp_handbook_chapter_10_tourism.pdf
- Saari, M. Y. & Zakariah, R. (2006). *Analisis dan aplikasi input-output*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sinclair, M. T. (1998). Tourism and economic development: A survey. *Journal of Development Studies*, 34(5), 1-51.
- Surendra, B. P. (2000). *Tourists' consumption pattern and its economic inpact in Nepal*. New Delhi: Adroit Publishers.



RAJAH 1: Taburan Peratus Pelawat Domestik Mengikut Kelas Pendapatan Isi Rumah

JADUAL 1: Statistik Pelawat Domestik

Item	2009	2010	Peratus perubahan (%)
Jumlah Perbelanjaan (RM juta)	25,975	34,679	33.5
Jumlah Perjalanan ('000)	90,506	137,853	52.3
Purata Perbelanjaan (RM)	287	252	-12.3

Sumber: Penyiasatan Pelancongan Domestik 2010.

JADUAL 2: Purata Bilangan Hari Dan Purata Perbelanjaan Per Perjalanan Mengikut Strata

Strata	Purata Bilangan Hari		Jumlah Perbelanjaan (RM juta)		Purata Perbelanjaan Per Perjalanan (RM)		Purata Perbelanjaan Sehari (RM)	
	2009	2010	2009	2010	2009	2010	2009	2010
Bandar	2.47	2.58	14,421	17,260	564	557	228	216
Luar Bandar	2.17	2.59	4,863	6,424	489	500	226	193
Malaysia	2.39	2.58	19,284	23,684	543	541	227	210

Sumber: Penyiasatan Pelancongan Domestik 2010.

Nota: Jumlah perbelanjaan pelancong tidak termasuk jumlah perbelanjaan pelawat harian.

JADUAL 3: Komponen Perbelanjaan Pelawat Domestik Tahun 2009 dan 2010

Komponen	Jumlah Perbelanjaan (RM juta)		Peratus (%)		Peratus Perubahan (%)
	2009	2010	2009	2010	
Beli-belah	6,133	8,914	23.6	25.7	2.1
Pengangkutan	6,266	8,098	24.1	23.4	-0.7
Makanan dan Minuman	6,455	7,975	24.8	23.0	-1.8
Penginapan	4,172	6,130	16.1	17.6	1.5
Perbelanjaan sebelum Perjalanan/pakej/bayaran masuk/tiket	955	894	3.7	2.6	-1.1
Aktiviti Lain	1,993	2,667	7.7	7.7	0.0

Jumlah Perbelanjaan	25,975	34,678	100.0	100.0	
---------------------	--------	--------	-------	-------	--

Sumber: Penyiasatan Pelancongan Domestik 2010.

JADUAL 4: Perjalanan Pelancong Domestik Mengikut Tujuan

Tujuan Lawatan	Tahun (%)	
	2009	2010
Melawat Saudara-mara	49.2	70.6
Membeli-belah	27.2	1.1
Bercuti	11.9	18.2
Hiburan dan Rekreasi	1.3	1.8
Rawatan Perubatan	3.0	1.0
Perniagaan	4.1	3.7
Ibadat/Keagamaan	0.8	1.8
Perjalanan Insentif dan lain-lain	2.4	1.8

Sumber: Diubahsuai daripada Penyiasatan Pelancongan Domestik 2009 dan 2010

Nota: Tujuan perjalanan pelancong domestik tidak termasuk tujuan perjalanan pelawat harian

JADUAL 5: Taburan Peratus Pelawat Domestik Mengikut Pekerjaan

Pekerjaan	Tahun (%)	
	2009	2010
Profesional/Teknikal	11.2	12.6
Pengurusan/Pentadbiran	10.2	7.9
Jurujual/Perkeranian	12.9	18.4
Pekerja Am	9.6	11.1
Pelajar/Pesara	14.7	14.9
Lain-lain	41.4	35.4

Sumber: Diubahsuai dari Penyiasatan Pelancongan Domestik 2009 dan 2010

JADUAL 6: Impak Industri Pelancongan Terhadap Output

Sektor	Pengganda				Domestik (RM juta)	
	Langsung	Tidak langsung	Teraruh	Jumlah	2009	2010
Perdagangan Runcit	1.3917	0.3187	0.4900	2.2005	33,434.2	38,409.9
Hotel	1.4347	0.3863	0.8153	2.6364	9,813.6	12,380.4
Restoran	1.6233	0.6146	1.0033	3.2412	19,914.6	22,800.9
Pengangkutan	1.6390	0.6880	0.6450	2.9720	32,056.5	36,514.2
Hiburan	1.6048	0.7199	0.8890	3.2137	1,528.2	1,543.5
Rekreasi	1.6048	0.7198	0.8890	3.2136	7,115.5	8,471.6
Jumlah	9.2984	3.4474	4.7317	17.4774	103,862.7	120,120.4

Sumber: Analisis Hasil Kajian.

JADUAL 7: Impak Industri Pelancongan Terhadap Hasil Kerajaan

Sektor	Pengganda				Domestik (RM juta)	
	Langsung	Tidak langsung	Teraruh	Jumlah	2009	2010
Perdagangan Runcit	0.0107	0.0024	0.0158	0.0289	48.8	71.0
Hotel	0.0029	0.0026	0.0263	0.0317	5.0	7.3
Restoran	0.0050	0.0035	0.0324	0.0409	22.3	27.6
Pengangkutan	0.0080	0.0041	0.0208	0.0329	40.0	51.7
Hiburan	0.1032	0.0293	0.0287	0.1612	73.1	68.4
Rekreasi	0.1032	0.0293	0.0287	0.1613	249.4	333.7
Jumlah	0.2329	0.0712	0.1528	0.4569	438.6	559.6

Sumber: Analisis Hasil Kajian.

JADUAL 8: Impak Industri Pelancongan Terhadap Nilai Ditambah

Sektor	Pengganda				Domestik (RM juta)	
	Langsung	Tidak langsung	Teraruh	Jumlah	2009	2010
Perdagangan Runcit	0.3664	0.0794	0.0697	0.5155	1,774.8	2,579.5
Hotel	0.4564	0.1005	0.1160	0.6729	1,578.9	2,319.9
Restoran	0.2635	0.1547	0.1428	0.5609	975.6	1,205.3
Pengangkutan	0.2845	0.1667	0.0918	0.5430	1,340.4	1,732.3
Hiburan	0.3063	0.1727	0.1265	0.6054	172.6	161.6
Rekreasi	0.3063	0.1727	0.1265	0.6054	589.2	788.4
Jumlah	1.9834	0.8466	0.6733	3.5033	6,431.4	8,787.0

Sumber: Analisis Hasil Kajian.

JADUAL 9: Impak Industri Pelancongan Terhadap Import

Sektor	Pengganda				Domestik (RM juta)	
	Langsung	Tidak langsung	Teraruh	Jumlah	2009	2010
Perdagangan Runcit	0.2978	0.0638	0.0930	0.4546	1,378.2	2,003.2
Hotel	0.0792	0.0598	0.1548	0.2938	165.8	243.6
Restoran	0.1088	0.0969	0.1904	0.3962	385.3	476.1
Pengangkutan	0.1862	0.1141	0.1224	0.4228	802.9	1,037.7
Hiburan	0.0179	0.0449	0.1687	0.2315	5.4	5.0
Rekreasi	0.0179	0.0449	0.1687	0.2315	18.4	24.6
Jumlah	0.7078	0.4245	0.8981	2.0304	2,756.1	3,790.2

Sumber: Analisis Hasil Kajian.